

## Tingkatan 2 BAB 3: Negeri-negeri Melayu Utara dan Johor Benteng Keselamatan British

北马州和柔佛州是英国的保安的堡垒

### 3.1 Negeri-negeri Melayu Utara Penampungan Keselamatan British di Tanah Melayu

北马州是英国在马来半岛的保安缓冲区

1. Zaman imperialis baru berlaku pada sekitar kurun ke-19 apabila kuasa Barat berlumba-lumba untuk mendapatkan tanah jajahan di benua Asia dan Afrika.

新帝国主义时代发生在 19 世纪，当西方国家都在竞相获得在亚洲和非洲的殖民地。

2. Kemunculan zaman imperialis baru ini telah mencabar kedudukan British sebagai kuasa dunia yang unggul.

这种新帝国主义时代的出现挑战了英国作为主要世界强国的地位。

3. Negara-negara Eropah seperti Perancis, Jerman, Amerika Syarikat, dan Rusia bersaing untuk mendapatkan bahan mentah dan berlumba-lumba untuk mencari tanah jajahan di luar Eropah.

欧洲国家如法国（Perancis），德国（Jerman），美国（Amerika Syarikat）和俄罗斯（Rusia）竞相争夺原材料和寻找欧洲以外的殖民地。

4. Negara-negara Asia Tenggara seperti Tanah Melayu dan Siam yang kaya dengan bahan mentah telah menjadi rebutan kuasa imperialis ini.

丰富原料的东南亚国家，如马来西亚和泰国成为了帝国势力的斗争。

5. Minat negara Perancis untuk meluaskan kuasa ke Lembah Menam Chao Phraya dan usahanya untuk membina terusan di Segenting Kra membimbangkan British. Pembinaan terusan itu akan mengancam kedudukan Singapura sebagai pusat perdagangan antarabangsa.

法国有意扩展势力到 **Lembah Menam Chao Phraya** 和它在 **Segenting Kra** 的建管河运的动力令英国非常担心。河运的建设将威胁到新加坡作为国际贸易中心的地位。

6. British semakin bimbang apabila Jerman berusaha mendapatkan Pulau Langkawi daripada Siam.

当德国设法要从泰国（Siam）手中得到 **Pulau Langkawi**，英国越来越担心。

7. Pada masa yang sama, Amerika Syarikat cuba bertapak di Terengganu dan Rusia pula cuba membuka petempatan di Ujung Salang.

与此同时，美国试图在 **Terengganu** 立足以及俄罗斯试图在 **Ujung Salang** 打开据点。

8. Kebimbangan yang berpunca daripada perkembangan kuasa imperialis Barat ini menyebabkan British bertindak untuk meluaskan pengaruhnya ke Negeri-negeri Utara Tanah Melayu.

西方帝国势力的发展所带来的担忧，导致英国积极扩展它的影响力至马来亚北部各州。

SIAM : menerima tekanan daripada British. 泰国：接收来自英国的压力。

RUSIA : ingin membuka petempatan di Ujung Salang. 俄罗斯：想要在 **Ujung Salang** 开据点。

JERMAN : Ingin mendapatkan Pulau Langkawi. 德国：想要获得 **Pulau Langkawi**。

PERANCIS : bercadang membuka sebuah terusan. 法国：计划新开一条河运。

PERANCIS : Ingin meluaskan pengaruhnya di Indochina. 法国： 希望扩大它在中南半岛的影响力。

PERANCIS : Meluaskan pengaruhnya di Timur Siam. 法国： 扩大它在泰国东部的影响力。

AMERIKA SYARIKAT : ingin meluaskan pengaruhnya di Terengganu. 美国： 想要扩大它在 **Terengganu** 的影响力。

9. Bagi meluaskan pengaruhnya ke Negeri-negeri Utara timah Melayu, British menandatangani perjanjian sulit dengan Siam pada tahun 1897. Tujuan perjanjian ini adalah untuk menghalang Siam daripada membenarkan mana-mana kuasa Eropah yang lain bertapak di selatan Siam.

为了扩大它的影响力到北部各马来州，英国与泰国于 **1897** 年签订保密协议。该协议的目的是为了防止泰国允许其他欧洲列强立足于泰国南部。

10. Syarat Perjanjian Sulit Inggeris-Siam 6 April 1897

**1897 年 4 月 6 日英-泰保密条约的条款**

(a) Siam tidak akan menyerahkan Kedah, Kelantan, Terengganu, dan Perlis kepada mana-mana kuasa lain tanpa kebenaran British.

泰国不会拱手把吉打，吉兰丹，登嘉楼和玻璃市交给其他任何权力如果没有英国的同意。

(b) British mengakui hak Siam ke atas negeri-negeri tersebut.

英国承认泰国在这些州属的权利。

(c) British akan membantu Siam jika diserang musuh.

英将帮助泰国，如何泰国被敌人攻击。

11. Namun, perjanjian sulit tersebut gagal menghalang sultan negeri-negeri berkenaan menjalin hubungan dengan kuasa Barat yang lain.

然而，这个秘密条约未能阻止有关的州苏丹与其他西方国家建立关系。

12. Bukti sultan Negeri-negeri Utara Tanah Melayu menjalin hubungan dengan kuasa luar :

北部各马来州苏丹与外国建立关系的证据：

(a) Pada tahun 1897, sultan Kelantan memberikan konsesi tanah seluas 776 996 hektar kepada Duff Development Company.

在 **1897** 年，吉兰丹苏丹给予达夫开发有限公司（**Duff Development Company**）面积 **776996** 公顷的土地的特许权。

(b) Sultan Terengganu menerima permohonan Amerika Syarikat untuk membuka petempatan di Pulau Redang.

登嘉楼苏丹接受美国在热浪岛开设据点的申请。

13. Bagi menghalang perluasan kuasa Eropah lain di Asia Tenggara, British menandatangani satu lagi perjanjian dengan Siam pada tahun 1902.

为了防止其他欧洲大国在东南亚扩张势力，英国和泰国于 **1902** 年签订另一个协议。

14. Kesan Perjanjian Perisytiharan British-Siam 1902

**1902 年英-泰宣言协议的后果**

(a) British mengiktiraf Negeri-negeri Melayu Utara sebagai naungan Siam.

英国承认北马来州是泰国的附属国。

(b) Beberapa warga British telah dilantik oleh kerajaan Siam sebagai penasihat sultan.

一些英国公民被泰国政府任命为苏丹的顾问。

(i) H. E. Duke di Perlis

在玻璃市州的 **H. E. Duke**

(ii) Meadowe Frost di Kedah

在吉打州的 **Meadowe Frost**

(iii) W.A. Graham di Kelantan

在吉兰丹州的 **W.A. Graham**

(c) Kelantan dan Terengganu tidak dibenarkan memberi konsesi kepada kuasa asing.

吉兰丹州和登嘉楼州不得给予外国势力特许权。

15. Melalui Perjanjian British-Siam 1902, British berjaya mengukuhkan pengaruhnya di Negeri-negeri Melayu Utara Tanah Melayu.

通过 1902 年英-泰条约，英国成功巩固它在北马来州的影响力。

16. Pada tahun 1909. Kerajaan Siam bersetuju menyerahkan Negeri-negeri Melayu Utara kepada British melalui perjanjian Bangkok yang ditandatangani pada tahun 1909.

在 1909 年，泰国同意提交北马来州给英国，通过于 1909 年签署的曼谷协议。

17. Raja-raja Melayu tidak dibawa berunding dan terpaksa bersetuju dengan keputusan perjanjian tersebut.

马来统治者没有被征询意见并被迫同意这项协议的决定。

18. Syarat Perjanjian Bangkok 1909

**1909 年曼谷协议条款**

(a) Siam menyerahkan negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu kepada British.

泰国提交吉打州，玻璃市在州，吉兰丹州和登嘉楼州给英国。

(b) Siam tidak akan menyewakan mana-mana wilayahnya kepada kuasa Eropah lain tanpa kebenaran British.

没有英国的同意，泰国不会转租的任何领土向其他欧洲列强。

(c) British menyerahkan Hak Wilayah Asingan kepada Siam.

英国的区域分离权提交给泰国。

**\* Hak Wilayah Asingan merupakan hak yang diberi kepada konsul British di Bangkok bagi menjalankan kuasa perundangan ke atas warganegara British. Hak ini membolehkan rakyat British diadili mengikut sistem perundangan British dan tidak mengikut sistem perundangan Siam.**

区域分离权是给予在曼谷的英国领事对英国公民执行立法权的权利。这些权利允许英国人民是根据英国的法律制度，而不是按照法律制度泰国来审判。

19. Berikutan Perjanjian Bangkok 1909, Sungai Golok dijadikan sempadan antarabangsa.

**1909 年曼谷条约， Sungai Golok 成为国际边界。**

20. British menyerahkan wilayah Tabal, sebuah wilayah di Kelantan kepada Siam, manakala Siam menyerahkan wilayah Reman kepada Kelantan dan Perak.

英国移交在吉兰丹州的 **Tabal** 区域给泰国，而泰国割让 **Reman** 区域给吉兰丹州和霹靂州。

21. Penyerahan wilayah Tabal kepada Siam menimbulkan reaksi di Kelantan.

移交 **Tabal** 区域给泰国引起吉兰丹州的反应。

(a) Penyerahan wilayah Tabal kepada Siam dibantah oleh Sultan Muhammad IV.

**Muhammad IV 苏丹拒绝移交 Tabal 区域给泰国。**

(b) Kira-kira 15 000 penduduk Melayu di kawasan tersebut tidak berpuas hati dengan tindakan British.

约 **15,000** 在该地区的马来人不同意英国的举动。

(c) Sebilangan penduduk Tabal berhijrah ke Kelantan kerana tidak mahu berada di bawah pemerintahan Siam.

部分的 **Tabal** 居民搬迁到吉兰丹州因为不希望在泰国的统治之下。

**3.2 Penasihat British Mengancam Kedaulatan Negeri-negeri Melayu Utara** 英国顾问威胁北马来州的自主权

1. Kesan Perjanjian Bangkok 1909 terhadap Negeri-negeri Melayu Utara

**1909 年曼谷条约对北马来州的影响**

(a) British berjaya meluaskan kuasanya ke Tanah Melayu.

英国成功扩展权力到马来亚半岛。

(b) Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu menerima Penasihat British.

吉打州，玻璃市州，吉兰丹州和登嘉楼州接受英国顾问。

2. Sultan Melayu yang terpaksa menerima Penasihat British: 被迫接受英国顾问的苏丹：

Sultan 苏丹	Negeri 州
Raja Syed Alwi	Perlis 玻璃市州
Sultan Muhammad IV	Kelantan 吉兰丹州
Sultan Muhammad II	Terengganu 登嘉楼州
Sultan Abdul Hamid Halim Shah	Kedah 吉打州

3. Peranan Penasihat British ialah memberi nasihat kepada sultan dalam semua perkara kecuali yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu.

英国顾问的角色是给予苏丹除了与回教和马来习俗的所有事项意见。

4. Kuasa Raja-raja Melayu di Negeri-negeri Melayu Utara tergugat akibat pentadbiran baru yang diperkenalkan oleh British.

北马来州王的权力受到威胁因为英国引进的新政府。

### 3. 2. 1 Penasihat British di Kedah 在吉打州的英国顾问

1. Sultan Abdul Hamid Shah tidak menerima syarat Perjanjian Bangkok 1909 dan enggan menerima Penasihat British. Namun British tetap melantik George Maxwell sebagai Penasihat British di Kedah pada tahun 1910.

**Abdul Hamid Shah** 苏丹没有接受 1909 年曼谷协定的条款，并拒绝接受英国顾问。但英国在 1910 年仍然任命 **George Maxwell** 为吉打州的英国顾问。

2. George Maxwell cuba mengukuhkan kuasa British dengan menerapkan sistem pentadbiran Barat dalam pentadbiran negeri Kedah.

**George Maxwell** 尝试在吉打州的州政府运用西方行政制度以便巩固英国的权力。

3. Tindakan beliau menimbulkan konflik dengan anggota Majlis Mesyuarat Negeri yang dipimpin oleh Tunku Mahmud.

他的举动与 **Tunku Mahmud** 带领的国务委员会成员发生纠纷。

Usaha Tunku Mahmud mengekalkan identiti negeri Kedah <b>Tunku Mahmud</b> 保持吉打州特性的努力	Usaha George Maxwell menerapkan unsur Barat <b>George Maxwell</b> 渗入西方元素的努力
Bahasa Melayu digunakan dalam semua surat rasmi dan perundangan. 马来语用在所有的官方信件和立法。	Bahasa Inggeris digunakan dalam semua surat rasmi dan perundangan. 英语被用在所有的官方信件和立法。
Surat rasmi tidak perlu ditapis. 公函不需进行审查。	Surat rasmi ditapis oleh Penasihat British. 公函由英国顾问审查。
Penggunaan kalendar Hijrah. 使用回历。	Penggunaan kalendar Masihi. 使用阳历。
Cuti umum pada hari Jumaat. 周五是公众假期。	Cuti umum pada hari Ahad. 周日是公众假期。
Keutamaan melantik orang Melayu dalam pentadbiran. 主要委任马来人在管理。	Pelantikan pegawai British dalam pentadbiran Kedah. 英国官员委任在吉打州的政府。

4. Tunku Mahmud berjaya mengekalkan identiti negeri Kedah melalui tindakan mahkamah. Beliau menentang tindakan George Maxwell mengibarkan bendera Union Jack di kediamannya.

**Tunku Mahmud** 成功通过法院诉讼来保持吉打州的特性。他对抗 **George Maxwell** 在他的住所飘扬英国国旗。

### 3. 2. 2 Penasihat British di Perlis 在玻璃市的英国顾问

1. Raja Syed Alwi turut membantah tindakan Siam menyerahkan Perlis kepada British. Baginda enggan menerima Penasihat British tetapi British tetap menempatkan Kapten Meadowe Frost sebagai Penasihat British.

**Syed Alwi** 王也反对泰国移交玻璃市给英国的举动。他拒绝接受英国顾问，但英国依然放置 **Meadowe Frost** 队长作为英国顾问。

2. Kapten Meadowe Frost mengukuhkan pengaruh British di Perlis dengan menggubal undang-undang dan memperkenalkan jabatan baru dalam kerajaan.

**Meadowe Frost** 队长以制定法律来巩固英国在玻璃市的影响力，并在政府推出新的部门。

3. Antara jabatan baru ialah : 新的部门有：

(a) Mahkamah Kadi 卡迪法院

(b) Mahkamah Tinggi 高等法院

(c) Jabatan Hasil dan Cukai 收入和税收部

4. Kapten Meadowe Frost telah menguasai Jabatan Kewangan bagi memudahkan penguasaan ke atas pentadbiran negeri Perlis.

**Meadowe Frost** 队长掌控财务部，以方便控制玻璃市州的行政。

### 3. 2. 3 Penasihat British di Kelantan 在吉兰丹的英国顾问

1. Pada tahun 1910, Sultan Muhammad IV terpaksa menandatangani perjanjian dengan British bagi menempatkan penasihat British di Kelantan. British telah menempatkan J. S. Mason sebagai Penasihat British di negeri Kelantan.

**1910 年，Muhammad IV 苏丹被迫与英国签署协议，以接受在吉兰丹州放置英国顾问。英国任命 J. S. Mason 成为吉兰丹的英国顾问。**

2. Sultan Muhammad IV menghantar surat bantahan kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura kerana baginda enggan menerima campur tangan British dalam pentadbiran negeri Kelantan.

**Muhammad IV 苏丹发送抗议信给在新加坡的英国高级处长，因为他拒绝接受英国介入吉兰丹州政府。**

3. Pada tahun 1915, kuasa mentadbir jajahan telah diambil alih oleh pegawai British.

在 **1915 年**，殖民地的行政管理权被英国军官接管。

4. British berjaya menguasai jabatan penting seperti :

英国成功控制关键的部门，如：

(a) Jabatan Polis 警察局

(b) Pejabat Tanah 国土局

(c) Mahkamah Tinggi 高等法院

5. Pentadbiran negeri Kelantan akhirnya jatuh ke tangan British.

吉兰丹州政府终于落入英国人手中。

### 3. 2. 4 Penasihat British di Terengganu 在登嘉楼的英国顾问

1. Sultan Terengganu, iaitu Sultan Zainal Abidin III enggan mengiktiraf Perjanjian Bangkok dan menolak penempatan Penasihat British di Terengganu.

**登嘉楼苏丹，那就是 Zainal Abidin III 苏丹拒绝承认曼谷协议，并拒绝安置在登嘉楼的英国顾问。**

2. Sultan Zainal Abidin III menemui Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura untuk membuat bantahan. Namun, British tetap menempatkan W. L. Conlay sebagai wakil British di Terengganu pada tahun 1910.

**Zainal Abidin III 苏丹会见了在新加坡的英国高级专员提出反对。不过，1910 年英国还是把 W. L. Conlay 安置在登嘉楼作为英国代表。**

3. Bidang kuasa wakil British hanya tertakluk pada pengurusan hal ehwal luar negeri Terengganu sahaja.

英国代表的管辖范围仅限于登嘉楼州的外交事务管理。

4. Pada tahun 1911, Sultan Zainal Abidin III menggubal perlembagaan bertulis yang dikenali sebagai Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu bagi tujuan memelihara kedaulatan dan kemerdekaan negeri Terengganu.

1911 年，Zainal Abidin III 苏丹制定被称为登嘉楼国家法例（Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu）的成文宪法（perlembagaan bertulis），以维护登嘉楼的自主权和独立。

5. Sultan Zainal Abidin III mangkat pada tahun 1918 dan digantikan oleh Sultan Muhammad II. British mendesak supaya Sultan Muhammad II menandatangani satu perjanjian di Singapura pada tahun 1919.

Zainal Abidin III 苏丹在 1918 年去世，继任者是 Muhammad II 苏丹。英国要求 Muhammad II 苏丹于 1919 年在新加坡签署一项协议。

6. Melalui perjanjian tersebut, British melantik J. L. Humphreys sebagai Penasihat British di negeri Terengganu.

通过该项协议，英国任命 J. L. Humphreys 为在登嘉楼的英国顾问。

7. Sultan Muhammad II turun takhta kerana enggan tunduk kepada tekanan British.

Muhammad II 苏丹退位因为拒绝屈服于英国施压。

8. British berjaya menguasai Terengganu setelah berjaya meletakkan jabatan penting seperti Jabatan Kastam, Jabatan Perubatan, Jabatan Kerja Raya, dan Jabatan Tanah dan Galian di bawah Penasihat British.

英国成功掌控登嘉楼，当成功把关键部门，如海关部门，医学部，公共工程部以及土地和矿业部门放置在英国顾问的权限之下。

#### Mesej Focus 消息焦点

Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu juga dikenali sebagai *Ittiqan-ilmuluk bi-ta'dil ilsuluk*. Perlembagaan bertulis ini mencontohi perlembagaan bertulis kerajaan Johor, iaitu Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu digubal oleh Sultan Zainal Abidin III pada tahun 1911 untuk memelihara kedaulatan dan kemerdekaan negeri Terengganu. Antara lain, perlembagaan ini menyatakan :

登嘉楼国家法例也被称为 *Ittiqan-ilmuluk bi-ta'dil ilsuluk*。这成文宪法是以柔佛政府，那就是柔佛国家法例的成文宪法为参考。登嘉楼国家法例由 Zainal Abidin III 苏丹于 1911 年制定的，以维护登嘉楼的自主权和独立。其他的事项，宪法规定：

(a) Sultan tidak boleh menyerahkan negeri Terengganu kepada mana-mana kuasa asing.

登嘉楼州苏丹不能移交登嘉楼给任何的外国势力。

(b) Mustahak ke atas raja bermesyuarat.

对国王会见是很重要的。

(c) Hak raja dan Menteri Besar memilih anggota Jemaah Menteri.

国王和首席部长选内阁委员的权力。

#### Langkah British Mengukuhkan Kuasa di Negeri-negeri Melayu Utara 英国在北马来州巩固的势力的措施

Tahun 年	Tindakan British 英国的行动
1897	Menandatangani Perjanjian Sulit dengan Siam untuk menghalang kuasa luar lain bertapak di Negeri-negeri Melayu Utara. 与泰国签署保密协议，防止其他外来权力在北马来州立足。
1902	Menandatangani Perjanjian Pengisytiharan British-Siam. British mengiktiraf Negeri-negeri Melayu Utara sebagai wilayah Siam tetapi Siam akan melantik pegawai British sebagai penasihat di negeri-negeri tersebut. 签署英-泰宣言协议。英国承认北马来州为泰国的领土，但泰国将任命英国军官为这些州的顾问

1909	Menandatangani Perjanjian Bangkok. British berjaya menguasai semua Negeri-negeri Melayu Utara apabila Siam menyerahkan negeri-negeri tersebut kepada British. 签署曼谷协议。英国成功掌控所有北马来州当泰国提交这些州给英国。
1910	British menempatkan Penasihat British di Kedah, Perlis, dan Kelantan. 英国安置英国顾问在吉打州，玻璃市州和吉兰丹州。
1919	British menempatkan Penasihat British di Terengganu. 英国在登嘉楼安置英国顾问。

### 3.3 Pemodenan Johor Melambatkan Campur Tangan British 现代化的柔佛延缓英国介入

1. Johor merupakan negeri Melayu yang terakhir menerima Penasihat British.

柔佛州是最后接受英国顾问的马来州。

2. Sehingga tahun 1914, hubungan persahabatan antara Johor dengan British telah berjaya mengekalkan kedaulatan negeri Johor.

直到 1914 年，柔佛州和英国之间的友谊成功维护柔佛州的自主权。

3. Kejayaan Johor mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

柔佛成功维护国家自主权和独立是因为以下因素：

(a) Kebijaksanaan pemerintah 政府的智慧

(b) Pengenalan sistem birokrasi moden. 采用现代官僚的制度。

4. Kejayaan tersebut telah berjaya membawa kestabilan dan kemakmuran ekonomi kepada Johor.

这项成就成功为柔佛带来经济稳定和繁荣。

#### 3.3.1 Temenggung Daeng Ibrahim Pemimpin Berwibawa (1825-1862)

**Daeng Ibrahim** 天猛公是权威的领袖（1825 年至 1862 年）

1. Daeng Ibrahim menjadi Temenggung Johor pada tahun 1825 menggantikan ayahandanya, Temenggung Abdul Rahman.

**Daeng Ibrahim** 于 1825 年取代他的父亲，**Abdul Rahman** 天猛公，成为柔佛的天猛公。

2. Beliau berkhidmat sebagai Temenggung Johor di bawah dua orang sultan, iaitu Sultan Hussein dan Sultan Ali.

他在两个苏丹，那就是 **Hussein** 苏丹和阿里苏丹下担任的柔佛天猛公。（意思是两朝元老）

3. Pada tahun 1855, Temenggung Ibrahim menandatangani Perjanjian Persahabatan dengan Sultan Ali. Perjanjian tersebut memberi kuasa kepada Temenggung Ibrahim menjadi pemerintah Johor kecuali di wilayah Kesang.

1855 年，**Ibrahim** 天猛公与阿里苏丹签署友好条约。这项协议授权于 **Ibrahim** 天猛公成为柔佛州的统治者除了在 **Kesang** 区域。

4. Syarat perjanjian antara Sultan Ali dengan Temenggung Ibrahim pada Mac 1855

1855 年 3 月阿里苏丹与 **Ibrahim** 天猛公之间的协议的条款

(a) Sultan Ali diiktiraf sebagai sultan Johor tetapi gelaran tersebut tidak boleh diwariskan kepada keturunan baginda.



阿里苏丹被承认为柔佛苏丹，但苏丹的称号不能传承给他的后代。（意思是阿里苏丹的儿子不能做苏丹）

(b) Kawasan pemerintahan Sultan Ali hanya terhad di wilayah Kesang sahaja.

阿里苏丹的统治区域只限于 **Kesang** 区域。

5. Temenggung Daeng Ibrahim menjalankan pentadbiran dengan cekap dan mengasaskan pusat pentadbiran baru Johor di Tanjung Puteri.

**Daeng Ibrahim** 天猛公通过高效的行政管理，并在 **Tanjung Puteri** 建立柔佛州新的行政中心。

6. Beliau memajukan ekonomi Johor dengan menggalakkan kemasukan orang Cina dari Singapura untuk mengusahakan ladang lada hitam melalui Sistem Kangcu.

他以鼓励华人从新加坡进入以通过港主（**Kangcu**）制度从事胡椒园来发展柔佛州的经济。

7. Ciri-ciri Sistem Kangcu 港主制度的特点

(a) Diperkenalkan pada tahun 1833 oleh Temenggung Daeng Ibrahim.

由 **Daeng Ibrahim** 天猛公于 **1833** 年推出。

(b) "Kangcu" berasal daripada perkataan Cina yang bermaksud Tuan Sungai.

“港主”来自中文词河主。

(c) Orang Cina yang datang dari Singapura diberi Surat Sungai, iaitu surat kebenaran untuk menetap dan mengusahakan pertanian di tebing sungai.

来自新加坡的华人被给予信河，那就是授权书授权定居和在河岸边从事农业。

(d) Kawasan perladangan dikenali sebagai Kangkar atau Kaki Sungai.

农场地区被称为 **Kangkar** 或脚下的河流。

(e) Di Kangkar, penanaman lada hitam dan gambir diusahakan.

在 **Kangkar**，发展种植胡椒和钩藤类。

(f) Setiap Kangkar diketuai oleh seorang Kangcu yang memerintah dan memungut cukai.

每个 **Kangkar** 由一位港主执政和收税。

(g) Hasil pungutan cukai ini menjadi sumber pendapatan kerajaan Johor.

征收税务的结果是柔佛州政府的一个收入来源。

### 3. 3. 2 Sultan Abu Bakar "Bapa Pemodenan Johor" (1862-1895)

**Abu Bakar** 苏丹“柔佛现代化之父”（1862 年至 1895 年）

1. Sultan Abu Bakar menaiki takhta kerajaan Johor pada tahun 1862, iaitu selepas kemangkatan ayahandanya, Temenggung Ibrahim.

**Abu Bakar** 苏丹于 **1862** 年，那就是他的父亲，**Ibrahim** 天猛公去世后登上柔佛州王位。

2. Baginda diberi gelaran Datuk Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja Johor.

他被赐封柔佛拿督 (Datuk) 天猛公 (Temenggung) Abu Bakar 殿下 (Seri Maharaja) 的称号。

3. Baginda sering ke England untuk mempelajari cara pemerintahan dan pentadbiran yang baik untuk membangunkan negeri Johor.

他经常到英国去学习如何治理与善治以发展柔佛。

4. Pada tahun 1868, Ratu Great Britain telah mengurniakan gelaran Maharaja Johor kepada Sultan Abu Bakar.

1868 年，英国女王赐封 Abu Bakar 苏丹柔佛大君 (Maharaja) 的称号。

5. Apabila Sultan Ali daripada keturunan Bendahara mangkat pada tahun 1877, Sultan Abu Bakar diiktiraf sebagai pemerintah Johor. Baginda menggunakan gelaran Sultan pada tahun 1885.

当来自宰相血统的阿里苏丹于 1877 年去世后，Abu Bakar 苏丹被公认为柔佛州统治者。他于 1885 年用苏丹的封号。

6. Sultan Abu Bakar dikenali sebagai Bapa Pemodenan Johor kerana usaha baginda memodenkan pentadbiran Johor.

Abu Bakar 苏丹被称为柔佛现代化之父，因为他努力现代化地管理柔佛。

7. Sumbangan Sultan Abu Bakar

Abu Bakar 苏丹的贡献

Aspek 方面	Tindakan 行动
Memodenkan pentadbiran 现代化管理	Mewujudkan mahkamah, perkhidmatan pos, dan Jabatan Kerja Raya. 建立法院，邮政服务，公共工程部。
Menjaga kebajikan rakyat 照顾民生	Membina sekolah, hospital, dan jalan raya. 建设学校，医院和道路。
Menjamin keamanan negeri 确保国家安全	Menubuhkan pasukan polis dan tentera. 建立警察部队和军队。

8. Bagi memantapkan ekonomi negeri Johor, Sultan Abu Bakar meneruskan Sistem Kangcu sehingga Johor muncul sebagai pengeksport lada hitam dan gambir terbesar di dunia.

为了稳住柔佛的经济状况，Abu Bakar 苏丹继续港主制度，直到柔佛成为世界最大胡椒和钩藤的出口商。

9. Pada tahun 1885, Sultan Abu Bakar menandatangani Perjanjian Persahabatan dengan British.

1885 年，Abu Bakar 苏丹与英国签署友好条约。

10. Kesan Perjanjian Persahabatan Sultan Abu Bakar dengan British 1885

1885 年 Abu Bakar 苏丹与英国之间的友好条约的影响

(a) Johor diiktiraf sebagai negeri yang bebas dan berdaulat.

柔佛被承认为一个独立和自主的国家。

(b) Sultan Abu Bakar diiktiraf sebagai sultan Johor yang sah.

Abu Bakar 苏丹被承认为柔佛合法的苏丹。

(c) Kedudukan Sultan Abu Bakar lebih tinggi daripada Pesuruhjaya Tinggi di Singapura.

Abu Bakar 苏丹的地位比在新加坡较高级专员还高。

(d) Sultan Abu Bakar boleh berhubung terus dengan kerajaan British di London tanpa melalui Pesuruhjaya Tinggi.

**Abu Bakar** 苏丹可以直接与在伦敦的英国政府沟通，而无需通过高级专员。

11. Baginda berjaya menyekat penguasaan British terhadap Johor dengan hanya menerima seorang pegawai British yang bertugas sebagai konsul dan bukannya Penasihat British.

他成功阻止英国控制柔佛，以只接受一个担任领事的英国军官，而不是英国顾问。

12. Pada tahun 1895, baginda telah mengisytiharkan perlembagaan negeri yang dikenali sebagai Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.

**1895** 年，他宣布被称为柔佛国家法例的国家宪法。

13. Kandungan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor

柔佛国家法例的内容

(a) Sultan tidak boleh menyerahkan negeri Johor kepada kuasa asing.

柔佛州苏丹不能移交柔佛州给任何的外国势力。

(b) Majlis Mesyuarat Menteri dan majlis Mesyuarat Negeri ditubuhkan.

成立部长理事会和国家委员会。

(c) Anggota Majlis Mesyuarat Menteri hendaklah dilantik daripada orang Melayu dan bertanggungjawab menasihati sultan dalam pentadbiran negeri.

部长理事会的成员由马来人任命，负责向苏丹建议有关国家行政管理。

(d) Ahli Majlis Mesyuarat Negeri hendaklah terdiri daripada rakyat Johor yang berperanan menggubal undang-undang negeri.

国家委员会由柔佛人民组成，其作用是制定柔佛州的法律。

14. Kebijaksanaan dan wawasan Sultan Abu Bakar menyebabkan British tiada alasan untuk meluaskan kuasanya ke negeri Johor.

**Abu Bakar** 苏丹的智慧和洞察力让英国没有理由将它的权力延伸到柔佛。

15. Baginda digantikan oleh anakanda baginda, Sultan Ibrahim.

他的继任者是他的儿子，**Ibrahim** 苏丹。

### **3.3.3 Pemimpin Johor yang Berwibawa** 柔佛领袖的魅力

1. Pembangunan dan pemodenan Johor dikecapi disebabkan wujudnya kesepakatan antara sultan dengan pembesar. 发展和现代化柔佛得以实现是因为的苏丹和大臣之间存在协议所致。

2. Pemimpin-pemimpin Johor telah memainkan peranan masing-masing dengan berkesan bagi memajukan negeri Johor.

柔佛州的领导人各自有效地发挥他们的作用，发展柔佛州。

3. Kebijaksanaan mereka menyebabkan British tiada alasan untuk campur tangan di Johor dan membolehkan Johor mengekalkan kedaulatan.

他们的智慧让英国没有理由介入柔佛并得以维护柔佛的自主权。

#### **A) Dato' Jaafar bin Muhammad**

1. Dato' Jaafar bin Muhammad merupakan Setiausaha Kerajaan Johor yang pertama (1868).

**Dato' Jaafar bin Muhammad** 是柔佛第一个国务秘书（1868年）。

2. Beliau juga merupakan Menteri Besar Johor yang pertama (1882-1919).

他也是柔佛州的第一任首席部长（1882年至1919年）。

3. Dato' Jaafar digelar sebagai Datuk Bentara.

**Dato' Jaafar** 被赐封 **Datuk Bentara** 的称号。

4. Beliau mewajibkan semua pegawai British yang berkhidmat di Johor memakai pakaian rasmi kerajaan Johor.

他规定所有在柔佛任职的英国军官必须的身穿柔佛州政府官员的服饰。

5. Beliau mengarahkan bendera Union Jack (bendera British) dikibarkan lebih rendah daripada bendera negeri Johor.

他下令飘扬的 **Union Jack** 旗（英国国旗）必须比柔佛国旗低。

6. Beliau berusaha memartabatkan bahasa Melayu dengan mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dalam semua penulisan surat rasmi ke pejabat kerajaan.

他努力提升马来语以规定政府官员写公函时使用马来语。

#### **B) Dato' Abdul Rahman bin Andak**

1. Dato' Abdul Rahman bin Andak ialah Setiausaha Sulit Sultan Johor (1885) dan Setiausaha Kerajaan Johor (1893-1909).

**Dato' Abdul Rahman bin Andak** 是柔佛苏丹的私人秘书（1885年）和柔佛的国务秘书（1893年至1909年）。

2. Beliau dianugerahi gelaran Dato' Seri Amar Diraja.

他被赐封 **Dato' Seri Amar Diraja** 的称号。

3. Beliau ditugaskan untuk menguruskan hal ehwal hubungan luar negeri dan bertanggungjawab mengawal hubungan Johor dengan British.

他负责处理外交事务管理，负责控制与英国与柔佛的关系。

4. Pada tahun 1888, beliau menubuhkan Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa Johor yang merupakan badan persuratan terulung ketika itu.

在1888年，他建立教学柔佛语文知识的联盟，这联盟在那个时候是首要的文艺组织。

#### **C) Dato' Muhammad Salleh bin Perang**

1. Dato' Muhammad Salleh bin Perang pernah menjawat jawatan penting seperti Pesuruhjaya Polis, Ketua Jabatan Ukur, dan Ketua Jabatan Tanah.

**Dato' Muhammad Salleh bin Perang** 曾担任重要职位警务处处长，测量部门主管和土地部的主管。

2. Beliau berjaya menghasilkan peta pembangunan negeri Johor yang pertama untuk menunjukkan semua jalan dan bandar yang akan dimajukan.

他成功地制造第一个柔佛的国家开发地图以显示所有柔佛的街道和有待开发城市，。

3. Berdasarkan peta pembangunan tersebut, perancangan pembangunan kawasan seperti Muar, Endau, Segamat, Tangkak, dan Batu Pahat dapat dilaksanakan.

根据开发地图，发展区域，如麻坡（Muar），Endau，Segamat，Tangkak 和 Batu Pahat 的规划可以实现。

4. Beliau dianugerahi gelaran Dato' Bentara Luar.

他被赐封 **Dato' Bentara Luar** 的称号。

#### **D) Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi**

1. Pada tahun 1883, Dato' Muhammad Ibrahim bin Munsyi dilantik menjadi Ketua Jabatan Pendidikan Johor yang pertama.

在 1883 年，**Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi** 是国家教育部的第一个主管。

2. Beliau mendirikan sekolah dan mendesak supaya pendidikan diwajibkan kepada semua rakyat Johor.

他创立学校，并坚持认为，教育对所有的柔佛人民是必须的。

3. Beliau dianugerahi gelaran Dato' Bentara Dalam dan dikenali sebagai Bapa Pendidikan Melayu Johor.

他被赐封 **Dato' Bentara Dalam** 并被誉为柔佛马来教育之父。

4. Dato' Muhammad Ibrahim bin Munsyi dilantik menjadi Timbalan Menteri yang pertama pada tahun 1893.

**Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi** 于 1893 年被任命为第一个副部长。

#### **3. 3. 4 Johor di Ambang Penjajahan British 柔佛在英国的殖民统治的边缘**

1. British bertekad untuk menguasai Johor kerana bimbang Johor akan diambil oleh kuasa Eropah yang lain.

英国决定控制柔佛因为担心柔佛将被其他欧洲强国介入。

2. Strategi British untuk menguasai Johor bermula pada tahun 1885 apabila Perjanjian Persahabatan ditandatangani antara British dengan Sultan Abu Bakar.

英国于 1885 年开始控制柔佛的战略，当英国和 **Abu Bakar** 苏丹签署友好条约。

3. Kesan Perjanjian Persahabatan 1855

#### **1855 年友好条约的影响**

(a) Hal ehwal luar Johor diletakkan bawah kawalan kerajaan British.

柔佛对外事务在英国政府的控制之下。

(b) British menubuhkan Lembaga Penasihat Johor untuk mengukuhkan kedudukannya di Johor.

英国成立了柔佛咨询委员会，以巩固它在柔佛的地位。

4. Lembaga Penasihat Johor telah menasihati sultan Johor supaya meminjam sebanyak 200 000 dolar daripada Negeri-negeri Selat untuk membina landasan kereta api dari Johor ke Singapura.

柔佛咨询委员会建议柔佛苏丹向海峡殖民借高达 20 万美元以便从柔佛到新加坡建造铁路。

5. Muslihat British yang bertujuan mengawal kewangan Johor ini dapat dikesan oleh Dato' Abdul Rahman bin Andak. Beliau menasihati sultan Johor supaya menolak tawaran British dan berjaya menggagalkan muslihat British untuk menguasai kewangan Johor.

英国的阴谋旨在控制柔佛的财政被 Dato' Abdul Rahman bin Andak 识破。他劝告柔佛苏丹拒绝英国的优惠并成功阻止英国要主宰柔佛财政的阴谋。

6. British berusaha menyingkirkan Dato' Abdul Rahman Andak daripada kerajaan Johor.

英国试图将 Dato' Abdul Rahman Andak 从柔佛政府中除掉。

7. Pada tahun 1907, Gabenor Negeri-negeri Selat, John Anderson mencadangkan supaya Dato' Abdul Rahman Andak dibersarakan dan dihantar ke London.

1907 年，海峡殖民地总督 John Anderson 建议 Dato' Abdul Rahman Andak 退休，并将他送往伦敦。

8. Ketiadaan Dato' Abdul Rahman di Johor membolehkan British menggunakan muslihatnya untuk menguasai Johor.

由于没有 Dato' Abdul Rahman 在柔佛使英国可以使用它的计谋掌握柔佛。

9. Sultan Ibrahim terpaksa meminda Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor bagi membolehkan British menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat Negeri.

Ibrahim 苏丹被迫修改宪法，让英国人可以成为柔佛国务委员会的成员。

10. Pada tahun 1914, British melantik Douglas Campbell sebagai Penasihat British di Johor.

1914 年，英国任命 Douglas Campbell 成为柔佛州的英国顾问。

#### Mesej focus 消息焦点

Sultan Ibrahim

Ibrahim 苏丹

Lembaga Penasihat Johor ditubuhkan pada tahun 1886. Melalui lembaga ini, sultan berhubung secara langsung dengan pejabat tanah jajahan di London. Lembaga ini dianggotai oleh pegawai British dan berperanan menguruskan hubungan luar kerajaan Johor. Lembaga ini juga berperanan menasihati sultan tentang hal-hal pentadbiran.

柔佛咨询委员会成立于 1886 年。通过这个委员会，苏丹直接联系到伦敦的殖民地办公室。这个委员会的成员包括英国官员以管理柔佛的外交关系。这个委员会还负责向苏丹建议有关行政的事项。